

17/09/2000

Agih kekayaan secara saksama

Syed Akbar Ali

KENYATAAN Tan Sri Muhyiddin Yassin Umno sedang meneliti cadangan radikal untuk menggubal perlembagaan parti menunjukkan kesediaan Umno untuk menghadapi cabaran baru dan membuat perubahan mengikut kehendak zaman. Proses penggubalan ini juga menunjukkan tradisi demokrasi yang mantap dalam Umno kerana cadangan untuk menggubal perlembagaan parti diminta daripada cawangan dan bahagian.

Sebagai perbandingan saja, walaupun DAP dikuasai Lim Kit Siang selama 31 tahun, ahli DAP tidak pernah dijemput menggubal perlembagaan parti itu. Lim kekal sebagai pemimpin besar DAP.

Masalah besar yang dihadapi Umno ialah politik puak yang diburukkan lagi oleh politik wang. Sistem parti sekarang yang mana pemilihan pemimpin parti sangat bergantung kepada undi ketua bahagian dan undi perwakilan daripada bahagian mendedahkan Umno kepada bahaya politik puak dan politik wang.

Oleh itu cara yang logik mengatasi masalah ini ialah dengan mengalihkan pengaruh kuasa undi kepada akar umbi parti. Meletakkan masa depan parti yang mempunyai 2.8 juta ahli dalam tangan 2,000 perwakilan mungkin satu tanggungjawab yang terlalu berat dari segi keharmonian dan kesatuan dalam parti.

Sebenarnya cara yang lebih baik lagi ialah untuk semua ahli Umno membuang undi pada hari dan waktu yang sama untuk memilih semua jawatan tinggi parti.

Ini bukan perkara mustahil kerana Suruhanjaya Pilihanraya berjaya mengadakan pilihan raya umum untuk rakyat Malaysia serentak pada hari yang sama.

Begitu juga pengundian untuk bahagian dan cawangan perlu diadakan pada hari yang sama dalam tahun yang sama supaya parti Umno boleh menumpukan tenaga kepada isu-isu pembangunan dan tidak membuang terlalu banyak masa dengan berpolitik dalam parti.

Selain itu, ia juga penting supaya pemegang jawatan tinggi dalam parti disekat tempohnya. Misalnya, seseorang itu tidak boleh memegang jawatan Presiden lebih daripada dua penggal. Begitu juga Timbalan Presiden, Naib Presiden, ahli-ahli Majlis Tertinggi dan ketua-ketua bahagian diberi tempoh yang terhad kepada dua penggal untuk menduduki jawatan mereka.

General Motors Corporation adalah satu syarikat gergasi pembuat kereta yang pernah menjadi syarikat paling besar di Amerika Syarikat. Pernah disebut, What is good for General Motors is good for America kerana General Motors majikan kepada beratus ribu pekerja dan juga menjadi pembuat dan pengeksporth berjuta-juta kenderaan bermotor.

Begitu juga dalam politik dan ekonomi negara kita, sehingga kini nasib parti Umno adalah sama dengan nasib orang Melayu dan seterusnya nasib negara kita. Ini kerana Umno mempunyai 2.8 juta ahli dan juga menjadi parti yang terajui gabungan kaum lain dalam Barisan Nasional untuk memerintah negara kita.

Oleh itu segala perubahan yang dicadang oleh parti Umno untuk membaiki keadaan dalam parti tidak boleh dipisahkan daripada usaha untuk memperbaiki keadaan orang Melayu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hak keistimewaan ekonomi Bumiputera ala DEB akan dilanjutkan untuk tempoh 10 tahun lagi. Seperti mana Dr Mahathir pernah berkata semua Bumiputera adalah 'kroni' kerana itulah maksud sebenar hak istimewa Melayu yang termaktub dalam

perlembagaan kita.

Satu daripada akibat hak istimewa Bumiputera ini, sistem pemerintahan kita tertumpu kepada politics of largesse yang mana Bumiputera perlu kepada kuasa politik untuk menjamin kedudukan ekonomi mereka.

Ini bermaksud, selagi Bumiputera masih ke belakang, sistem `kronisme' terpaksa berterusan. Malang sekali apa yang sebenarnya adalah affirmative action untuk membantu kaum Bumiputera sudah dirosakkan dengan teruk oleh puak tertentu yang mahir bermain politik wang. Ini tidak beza daripada perbuatan melenyapkan wang tabung anak yatim oleh ulama parti pembangkang untuk tujuan politik mereka. Mereka memburukkan istilah `kronisme' untuk mengaibkan dan menimbulkan buruk sangka terhadap orang yang mereka iri hati.

Kerajaan kita sudah mewujudkan peluang latihan dan pendidikan untuk beratus ribu Bumiputera sehingga ke peringkat universiti. Kerajaan juga sudah membelanjakan berbilion ringgit untuk memajukan kawasan dan pekan sehingga kualiti hidup di kampung dan pekan boleh jadi lebih baik daripada kehidupan di bandar besar. Tetapi perkara ini semua sudah jadi biasa dan tidak hairan lagi kepada sesiapa pun, terutama sekali Bumiputera.

Yang menimbulkan masalah sekarang ialah peningkatan pembabitan Bumiputera pada tahap yang lebih tinggi dalam urusan ekonomi, terutama pada peringkat korporat. Maka sistem politics of largesse ini, terutama sekali pada peringkat korporat, bukan selalunya buruk dan boleh membawa kebaikan kepada semua rakyat kita jika ia tidak terpesong daripada dua landasan yang utama.

Pertama sekali kita tidak patut membenarkan golongan yang sedikit memonopoli terlalu banyak kekayaan.

Jika seseorang itu berusaha atas kakinya sendiri, dia berhak mengumpul segala kekayaan hasil usahanya itu. Tetapi jika seseorang itu menjadi kaya melalui pilihan khas dan anugerah yang khusus, maka kita perlu awasi supaya kita jangan terlanjur dalam menganugerahkan terlalu banyak kekayaan kepada seseorang itu. Kita boleh elakkan banyak bencana dan malapetaka jika kita akur dengan ajaran Nabi mengenai agihan harta dan kekayaan:

"Apa-apa yang diberikan Allah kepada rasul-Nya daripada penduduk negeri, maka adalah untuk Allah, rasul, karib kerabat, anak yatim, orang miskin dan orang berjalan, supaya jangan harta itu beredar antara orang kaya saja di antara kamu. Apa-apa yang diberikan rasul kepadamu hendaklah kamu ambil dan apa-apa yang dilarangnya hendaklah kamu hentikan, dan takutlah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat keras seksaannya." - Surah 59:7

Ayat ini menjelaskan cara baik mengagih kekayaan yang jatuh dalam tangan kita. Begitu juga dalam keadaan kita sekarang, perkara pokoknya kita mesti awasi supaya kekayaan atau peluang untuk menjadi kaya yang diberi melalui anugerah kerajaan yang memerintah itu tidak beredar di antara orang kaya saja.

Tetapi masalahnya timbul kerana menjaga kesaksamaan ini boleh jadi rumit terutama apabila ia membabitkan projek besar. Misalnya apabila Allahyarham Tan Sri Yahya Ahmad diberi penswastaaan Hicom dan Proton dan juga beberapa projek gergasi yang lain, ada orang yang berkata: "Kalau saya dapat saya pun boleh buat." Dan memang pun, pada hari ini Hicom dan Proton terus maju di bawah pimpinan Bumiputera lain.

Bersyukurlah kita, kerana pada hari ini sudah ada ramai generasi muda yang mempunyai bakat dan kebolehan. Selain agihan peluang dan kekayaan yang adil, landasan kedua yang harus kita tepati ialah supaya segala usaha mengkronikan Bumiputera berupaya dan bertuju hala untuk meningkatkan daya saing dan semangat berdikari Bumiputera.

Ini amat penting juga kerana Bumiputera yang tidak mempunyai daya saing akan kembali kepada menunggu giliran menerima anugerah kekayaan yang baru daripada kerajaan. Jika mereka tidak dapat, atau keadaan ekonomi

merumitkan projek pembangunan, mereka akan merungut, melemparkan tuduhan dan menyokong puak pembantah.

Yang penting, bantuan hak istimewa untuk majukan Bumiputera pada peringkat korporat itu tidak boleh tanpa had. Jika usaha awal tidak berjaya, orang lain mesti diberi peluang menceburi bidang itu supaya "jangan harta itu beredar antara orang kaya saja di antara kamu." - Surah 59:7

(END)